



UCAPAN PENUTUP
YBHG. DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN
SYED IKHSAN
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA
SEMPENA
HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA (HPTN) 2019
KEMENTERIAN KERJA RAYA

4 DISEMBER 2019 (RABU)
PUSAT KONVENSYEN TELEKOM MALAYSIA
MENARA TM
KUALA LUMPUR

(Salutasi)

Salam Sejahtera dan Selamat Petang,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana diberi kesempatan kepada kita hari ini untuk berkumpul bagi menyempurnakan Majlis Penutup Program Hari Profesion Teknikal Negara bagi tahun 2019 pada petang ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Penganjur kerana mengundang saya untuk menyampaikan sepatah dua kata sempena Majlis Penutup Hari Profesion Teknikal Negara bagi tahun 2019.
3. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad kerana sudi menyempurnakan Majlis Perasmian Hari Profesion Teknikal Negara 2019 yang telah berlangsung sepanjang dua hari.
4. Penganjuran Program Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara merupakan usaha yang telah dirintis oleh Jabatan Kerja Raya dan

dilaksanakan secara strategik oleh Kementerian Kerja Raya bersama jabatan dan agensi dibawahnya.

5. Setinggi-tinggi terima kasih jua saya zahirkan kepada rakan-rakan strategik yang turut serta dalam penganjuran program ini, rakan-rakan pempamer *platinum, gold, silver* dan *bronze* serta rakan-rakan media yang sudi hadir membuat liputan mengenai program ini.

6. Objektif utama penganjuran sambutan HPTN adalah sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan atas jasa yang disumbangkan oleh para profesion teknikal dalam membangunkan landskap pembangunan negara.

7. Walaupun penganjuran program ini hanya dua hari sahaja tetapi diharapkan ia menjadi platform kepada warga profesion teknikal dalam menyuarakan pandangan dan idea bernas berkaitan teknikal di samping untuk mempromosi profesion teknikal serta menerapkan elemen bidang teknikal di kalangan generasi muda.

8. Saya bersyukur selama dua hari program berlangsung, alhamdulillah ia mendapat sambutan yang melebihi daripada ekpektasi yang dijangkakan.

9. Saya berharap agar objektif penganjuran HPTN ini mencapai matlamatnya kerana program ini merupakan satu titik permulaan yang besar untuk dijadikan sebagai agenda utama dalam memartabatkan Profesion Teknikal di Malaysia. Saya berharap agar profesion teknikal ini akan terus kekal penting untuk memacu negara kepada kejayaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

10. Semoga pengisian yang telah disusun dan dilaksanakan sepanjang berlangsungnya HPTN 2019 memberi manfaat dan pengalaman berharga kepada semua yang hadir dan menyokong program ini.

11. Besarlah harapan saya dengan pengisytiharan Hari Profesion Teknikal Negara pada setiap Sabtu pertama bulan Disember dan Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara yang julung kali diadakan ini menjadi permulaan dalam usaha bersama kerajaan dan pihak swasta untuk memartabatkan dan mengiktiraf Profesion Teknikal di negara kita.

PENUTUP

12. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara bagi tahun 2019 dengan tema “Profesion Bidang Teknikal Teras Kemakmuran Bersama”.

13. Maka dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM saya dengan rasminya menutup Program Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara 2019.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum w.b. t